

R 8071 AAB
MAHATHIR - DIALOG

(I)

OLEH RACHMANNORDIN

PHILADELPHIA, 10 OKT. (BERNAMA)-- DIALOG ANTARA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN PARA TERPELAJAR ISLAM DI SINI SEMALAM DIANGGAP PENTING SEKALI KERANA TELAH MEMBANTU MEMBETULKAN SALAH TAFSIRAN DI KALANGAN PENUNTUT-PENUNTUT ANTARABANGSA MENGENAI PENDEKATAN KERAJAAN MALAYSIA KE ARAH PROSES ISLAMISASI NEGARA ITU.

INI MERUPAKAN PENDAPAT UMUM PARA TERPELAJAR YANG DITEMUI SECARA RAMBANG SELEPAS DIALOG SELAMA DUA JAM ITU YANG DIANJURKAN OLEH JABATAN AGAMA UNIVERSITI TEMPLE, PHILADELPHIA.

MALAHAN SEORANG PENUNTUT TURKEY YANG MENJALANI PROGRAM KEDOKTORAN SELAMA SEPULUH TAHUN DI UNIVERSITI ITU MENYIFATKAN HUKUM PERDANA MENTERI DAN ASAS BAGI PENDEKATAN KERAJAAN MALAYSIA DALAM HAL ITU SEBAGAI SEJAJAR DENGAN APA YANG TELAH KAMI PELAJARI.

PARA TERPELAJAR TERSEBUT MENGESAHKAN BAHAWA SEBELUM PERJUMPAAN DENGAN DR. MAHATHIR SUMBER MAKLUMAT YANG UTAMA MEREKA ADALAH MEDIA BARAT ATAU MEREKA YANG MENKRITIK MALAYSIA.

PARA TERPELAJAR DARI MESIR, TANZANIA, NIGERIA, SUDAN, TURKEY, INDONESIA DAN PAKISTAN BERHARAP AKAN MENYIBARKAN PENERANGAN PERDANA MENTERI ITU KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT LAIN YANG TIDAK MENGHADIRI DIALOG ITU. -- LAGI

1135MST 10 10 84

D737

R 8875 AAB

MAHATHIR - DIALOG 2 PHILADELPHIA

(I)

ENCIK SALMAN AL FARISI YUSOFF, 31, DARI NIGERIA APABILA DITEMUI SELEPAS DIALOG ITU BERKATA TENTANG DR. MAHATHIR SAYA BANGGA DENGAN PENGETAHUAN BELIAU MENGENAI ISLAM.

ENCIKSALMAN, YANG PERTAMA MENGEMUKAKAN SOALAN BERTANYA BAGAIMANA MALAYSIA MENYELESAIKAN MASALAH BERBILANG KAUM DALAM MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN BERTANYA SAMADA PENGALAMAN MALAYSIA BOLEH DIHUBUNGKAITKAN DENGAN NIGERIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHUNYA BAHAWA PENDEKATAN MALAYSIA BUKANLAH TERGESA-GESA MELAKSANAKAN SESUATU SUPAYA KEKACAUAN MENJADI HASILNYA. BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA PENDEKATAN MALAYSIA MUNGKIN TIDAK BOLEH DIPAKAI DI NEGARA-NEGARA YANG LAIN.

PENUNTUT MALAYSIA NASSERI TAIB, 42, DARIMUAR, JOHOR BERKATA PENERANGAN DR. MAHATHIR ADALAH IKHLAS DAN BERTERUS TERANG DAN LAIN-LAIN RAKYAT MALAYSIA BERPUASHATI DENGAN JAWAPAN-JAWAPANNYA.

NASSERI YANG MENUNTUT BIDANG DOKTOR FALSAFAH (PHD) DALAM EKONOMI ISLAM BERKATA HUJAH PERDANA MENTERI ITU DAN PERBANDINGAN-PERBANDINGANNYA ADALAH MEYAKINKAN. -- LAGI
1152MST 10 10 8 4

D763

R B878 AAB

MAHATHIR - DIALOG 3 PHILADELPHIA

(I)

BEKIR AKSOY, 31, DARI TURKEY BERKATA BELIAU TERTARIK DENGAN KEFAHAMAN DR. MAHATHIR TENTANG ISLAM DAN MASALAH-MASALAH UMMAH MASA KINI.

KATANYA SEBAGAI SATU PERIBADI DR. MAHATHIR ADALAH SEORANG NEGARAWAN ISLAM YANG MALAYSIA PATUT BERBANGGA MEMPUNYAINYA SEBAGAI PERDANA MENTERI.

IMTIYAZ YUSOF, 29, JUGA MENUNTUT SARJANA DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM BERKATA BELIAU TERTARIKHATI DENGAN SYOR-SYOR YANG PRAKTIKAL OLEH DR. MAHATHIR UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMMAH DAN MEMUJI PERDANA MENTERI KERANA KEFAHAMANNYA YANG MENDALAM TENTANG ISLAM.

YUSNY SUBY, 40, DARI INDONESIA SELEPAS MAJLIS ITU MENYIFATKAN DATUK SERI OR. MAHATHIR SEBAGAI NEGARAWAN ISLAM YANG +TAHU LUAR DAN OALAH APA YANG DIKATAKANNYA.+

YUSNY BERKATA DATUK SERI OR. MAHATHIR MENEPATI SIFATNYA SELAKU SEORANG DIPLOMAT, ENGGAN MENGULAS APABILA DITANYA MENGENAI MASA OEPAN UMAT ISLAM OF INDONESIA.

SUNGGUHPUN BEGITU YUSNY BERKATA BELIAU MENGHARGAI PENJELASAN PERDANA MENTERI BAHAWA MALAYSIA TIDAK SUKA CAHPURTANGAN DALAM HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA-NEGARA JIRANNYA. -- LAGI

1205MST 10 10 84

D764

R B879 AAB

MAHATHIR - DIALOG 4 PHILADELPHIA

(I)

YUSNY BEGITU TERTARIK HATI DENGAN PERBANDINGAN-PERBANDINGAN YANG TIDAK KETARA DAN HALUS MENGENAI MASALAH-MASALAH DI INDONESIA DAN MALAYSIA DAN LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN PENYELESAIAN YANG DIFIKIRKAN OLEH PERDANA MENTERI BOLEH MENOLONG MENGURANGKANNYA.

RAKAN SENEGARA YUSNY, MAHADI ABDUL KARIM, 38, YANG KINI DALAM TAHUN KEDUA PENGAJIAN SARJANANYA DI UNIVERSITI TEMPLE BERSETUJU SAMBIL MENAMBAH BAHAWA BELIAU MENDAPAT FAEDAH YANG BANYAK DARI DIALOG DENGAN PERDANA MENTERI ITU. -- BERNAMA

1206MST 10 10 84